

Soalan-Soalan Lazim

Program Inkubasi PKS Maybank

Maklumat Berkenaan Program

S1: Apakah Program Inkubasi PKS Maybank?

J: Program Inkubasi PKS Maybank ialah inisiatif yang direka untuk memupuk dan menyokong perusahaan kecil dan mikro yang layak dengan menawarkan penyelesaian pembiayaan alternatif melalui rakan strategik kami, Funding Societies. Ia ditawarkan kepada pemohon terpilih yang tidak memenuhi syarat kelayakan untuk Pembiayaan Digital PKS Maybank.

S2: Apakah matlamat program ini, dan bagaimana ia memberi manfaat kepada PKS?

J: Program ini menyediakan peluang pertumbuhan dan akses pembiayaan kewangan kepada PKS yang berpotensi yang mungkin tidak layak untuk pembiayaan tradisional. Melalui inisiatif ini, perniagaan terpilih akan mendapat akses kepada pembiayaan mikro, aplikasi sokongan dan sumber perniagaan untuk membantu mereka berkembang dan berjaya.

S3: Siapakah yang menyediakan pembiayaan alternatif?

J: Pembiayaan alternatif ditawarkan sepenuhnya oleh **Funding Societies**, platform pembiayaan digital terkemuka di Asia Tenggara untuk PKS. Funding Societies dilesenkan dibawah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

S4: Apakah hubungan antara Maybank dan Funding Societies?

J: Program ini merupakan sebahagian daripada kerjasama eksklusif antara Maybank dan Funding Societies. Bersama-sama, kami berusaha untuk menyokong pembangunan dan kemampanan perniagaan mikro dan kecil, memastikan tiada perniagaan yang berdaya maju, tercicir.

Sila ambil perhatian bahawa Malayan Banking Berhad dan Maybank Islamic Berhad (secara kolektif dikenali sebagai "Maybank") tidak bertanggungjawab terhadap produk, perkhidmatan atau keputusan pembiayaan yang ditawarkan oleh Funding Societies (FS). Anda dinasihatkan untuk membuat penilaian anda sendiri sebelum menandatangani sebarang perjanjian dengan FS, termasuklah jika anda perlu untuk mendapatkan khidmat nasihat bebas undang-undang ataupun kewangan. Semua keputusan kredit adalah ditentukan oleh FS, dan Maybank tidak mempengaruhi atau mengambil bahagian dalam proses penilaian atau kelulusan kredit.

S5: Apakah manfaat daripada permohonan pembiayaan mikro melalui Funding Societies?

J: Manfaat utama termasuk:

- **Permohonan Cepat & Mudah:** Proses dalam talian sepenuhnya, tanpa kertas, dan tanpa kerumitan.
 - **Pembiayaan Fleksibel:** Dari RM3,000 sehingga RM200,000, berdasarkan keperluan perniagaan anda.
 - **Kadar Kompetitif:** Kadar faedah/keuntungan dari 0.8% hingga 1.5% sebulan.
 - **Tempoh Jangka Pendek:** Tempoh pembayaran balik/bayaran sehingga 18 bulan.
 - **Tiada Cagaran Diperlukan:** Pembiayaan tanpa cagaran untuk meringankan beban anda.
 - **Pilihan Pembiayaan berdasarkan Prinsip Syariah:** Penyelesaian pembiayaan Islamik yang tersedia selaras dengan prinsip Syariah.
-

Panduan Permulaan

S6: Bagaimana cara memohon Program Inkubasi PKS?

J: Mohon Digital PKS Maybank [di sini](#). Jika permohonan anda tidak berjaya tetapi anda memenuhi kriteria pra-kelayakan, Maybank akan menjemput anda untuk menyertai Program Inkubasi PKS melalui e-mel.

S7: Bagaimanakah proses permohonan?

J: Ikuti 4 langkah mudah ini:

1. Mohon melalui Pembiayaan Digital PKS Maybank.
2. Hantar borang persetujuan anda jika dijemput ke program tersebut.
3. Pantau notifikasi WhatsApp daripada Funding Societies.
4. Lalui proses permohonan dalam talian Funding Societies dengan mudah. Dana akan dikeluarkan setelah permohonan diluluskan dan diterima.

Dengan memberikan persetujuan anda, data anda akan dikongsi dengan Funding Societies selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi (APDP).

S8: Adakah saya perlu menyerahkan dokumen tambahan?

J: Ya, Funding Societies mungkin memerlukan dokumen berikut:

- Kad Pengenalan (untuk Warganegara Malaysia) atau Pasport (untuk Bukan Warganegara Malaysia) bagi semua Pengarah.
- Penyata bank 6 bulan terakhir yang menunjukkan sekurang-kurangnya 80% daripada pendapatan perniagaan.

Nota: Kelayakan dan kelulusan adalah tertakluk kepada penilaian kredit Funding Societies. Maybank tidak mempengaruhi keputusan kredit setelah kes dirujuk.

S9: Bolehkah saya menukar fikiran selepas memberikan persetujuan?

J: Ya. Anda boleh menarik balik persetujuan anda dengan menghantar e-mel kepada onlineSMELoan@maybank.com dalam masa 3 hari selepas menghantar persetujuan. Setelah penarikan balik dibuat, semua data yang telah dikongsi akan dipadam secara kekal dan tidak lagi diproses oleh Funding Societies.

S10: Adakah terdapat sebarang yuran berkaitan dengan Pembiayaan Mikro Funding Societies ini?

J: Ya, Funding Societies mengenakan beberapa yuran seperti yuran pemprosesan, yuran jaminan dan caj bayaran lewat yang berbeza-beza bergantung pada sama ada anda memilih pembiayaan Islamik (Pembiayaan Mikro-i) atau Konvensional.

Untuk maklumat lanjut mengenai yuran dan caj, sila rujuk kepada Soalan Lazim di halaman rasmi Funding Societies: <https://Halaman Program Inkubasi PKS Funding Societies>.

Penerimaan Dana

S11: Bagaimana saya akan menerima dana yang diluluskan?

J: Setelah proses e-Penerimaan dan dokumentasi undang-undang anda selesai, anda akan menerima pengesahan melalui e-mel daripada Funding Societies. Dana tersebut akan dikreditkan ke dalam **akaun perniagaan Maybank yang aktif** anda dalam tempoh 3 hari bekerja. Jika anda belum mempunyai akaun perniagaan Maybank, anda perlu membuka akaun berkenaan terlebih dahulu.

S12: Bagaimanakah cara untuk saya membuka akaun perniagaan PKS Maybank?

J: Sekiranya anda pelanggan baru:

1. Hantarkan permohonan anda secara dalam talian. Anda boleh memilih antara:
 - [SME First Account-i \(Islamik\)](#)
 - [SME First Account \(Konvensional\)](#)
 2. Akaun anda akan diwujudkan serta-merta.
 3. Kunjungi cawangan Maybank pilihan dengan dokumen yang diperlukan untuk mengaktifkan akaun baru anda.
-

Selepas Permohonan Anda

S13: Apakah sokongan tambahan yang akan saya terima melalui program ini?

J: Selain pembiayaan, peserta akan menerima sokongan berikut dalam tempoh 100 hari pertama:

- Pek Selamat Datang (untuk pelanggan Maybank baharu).
 - Jemputan ke acara/seminar PKS untuk mendapatkan maklumat industri dan membina rangkaian perniagaan.
 - Akses kepada kandungan maklumat yang berfokus pada PKS (artikel, video, dan lain-lain).
 - Cadangan produk yang disesuaikan berdasarkan keperluan perniagaan anda.
-

S14: Adakah terdapat produk Maybank lain yang tersedia untuk perniagaan saya?

J: Ya. Anda boleh meneroka **Program ScaleUp SME Maybank**: SME Lite, Up, dan Top – yang direka khusus untuk menyokong perniagaan anda di setiap peringkat perkembangan perniagaan. Ini termasuk akses kepada:

- Pakej produk untuk pengembangan perniagaan.
 - Perkhidmatan nasihat perniagaan.
 - Sokongan dan produk berkaitan dengan kemampuan.
-

Sokongan & Hubungi

S15: Siapa yang boleh saya hubungi untuk mendapatkan sokongan?

J:

Funding Societies

Untuk perkara berkaitan pembiayaan Funding Societies

✉ Email: info@fundingsocieties.com.my

☎ Phone: +603 9212 0208 / +603 2202 1013

Maybank

Untuk perkara berkaitan Program Inkubasi PKS & Pembukaan Akaun

✉ Email: onlineSMEloan@maybank.com

☎ Phone: 1300-80-8668

S16: Bolehkah saya mengunjungi cawangan Maybank untuk mendapatkan bantuan?

J: Ya, anda dijemput untuk mengunjungi cawangan Maybank terdekat untuk mendapatkan nasihat atau sokongan berkaitan keperluan pembiayaan PKS anda.
